

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
(SIBU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2016

Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pelaksanaan GST bercanggah dengan kuasa autonomi Sarawak mengenai cukai jualan (sales tax). Bagaimanakah percanggahan ini diselesaikan. Sila senaraikan bagaimana Akta Sarawak yang perlu dipinda untuk pelaksanaan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan GST tidak bercanggah

dengan kuasa autonomi Sarawak untuk mengenakan cukai jualan di peringkat negeri. Ini adalah kerana GST merupakan cukai kepenggunaan yang menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) yang dilevikan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan merupakan cukai yang dikenakan di peringkat persekutuan dan ianya merupakan hasil Kerajaan Persekutuan. Hak Kerajaan negeri Sarawak untuk mengenakan cukai jualan di peringkat negeri sepertimana yang termaktub dalam Fasal (3) Artikel 95B Perlembagaan Persekutuan (PP) dan Butiran 7, Bahagian V, Jadual Kesepuluh, PP adalah masih terpelihara. Oleh itu, tiada sebarang pindaan Akta Sarawak yang diperlukan untuk maksud pelarasan susulan dari pelaksanaan GST ini.